

24 JUL 1997

UPM-konvo

UPM PERKENALKAN ANUGERAH NAIB CANSOLOR TAHUN DEPAN

SERDANG, 24 Julai (Bernama) -- Universiti Putra Malaysia (UPM) akan memperkenalkan Anugerah Naib Canselor tahun depan kepada pelajarannya yang paling cemerlang, Naib Canselornya Prof Datuk Dr Syed Jalaludin Syed Salim berkata hari ini.

"Anugerah ini diadakan dengan tujuan untuk mendedahkan bakat kepimpinan mahasiswa dan meningkatkan kualiti graduan UPM," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian konvokesyen ke-21 universiti itu di sini.

Anugerah itu katanya, antara lain mensyaratkan pelajar bergiat cergas di dalam aktiviti luar terutamanya aktiviti kemasyarakatan.

"Kita mungkin juga akan memberi kredit kepada pelajar yang terlibat dalam kegiatan masyarakat ini untuk dicampur dalam Himpunan Purata Markah Kumulatif (CGPA) mereka," katanya.

Sebelum itu, Canselor UPM Tun Dr Sheikh Hamdan Sheikh Tahir dalam ucapan perasmian menggesa mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) menggunakan kesempatan belajar untuk melatih diri sebagai pemimpin.

"Para mahasiswa hendaklah mengambil segala peluang yang diwujudkan universiti supaya mereka dapat meraih manfaat yang maksimum," katanya.

Katanya, penglibatan pelajar dalam mengendalikan projek seperti ekspo dan pesta konvokesyen adalah contoh yang baik dalam usaha universiti melahirkan graduan yang berketrampilan dalam kemahiran hidup.

"Perkara ini adalah selaras dengan konsep pendidikan seimbang di mana mahasiswa bukan diberi ilmu pengetahuan tentang bidang akademik, tapi juga pengetahuan dalam bidang kemahiran hidup," katanya.

Beliau berharap pihak universiti akan terus memberi kepercayaan kepada mahasiswa untuk terlibat secara langsung dalam pengendalian pelbagai projek sebagai satu strategi pendidikan.

Majlis itu adalah yang pertama semenjak pertukaran nama universiti yang dulu dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 April lepas. -- BERNAMA

NM AHH